



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN**

**Tajuk :**

**“MENGINSAFI KEKUASAAN ALLAH SWT”**

**Tarikh Dibaca :**

**14 SYAWAL 1442H/  
26 MEI 2021M**

**Disediakan oleh :**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



**KHUTBAH KHAS GERHANA BULAN**  
**“MENGINSAFI KEKUASAAN ALLAH SWT”**

**14 SYAWAL 1442H / 26 MEI 2021**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَلَهُ الْحَمْدُ فِي الْآخِرَةِ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ  
يَعْلَمُ مَا يَلْجُو فِي الْأَرْضِ وَمَا يَنْخُرُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا وَهُوَ  
الرَّحِيمُ الْغَفُورُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً  
عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ الدَّاعِي بِقَوْلِهِ وَفِعْلِهِ إِلَى الرَّشَادِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ الْمَاهِدِينَ لِلصَّوَابِ وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْمَآبِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمُ مُسْلِمُونَ. فَقَدْ قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْكَرِيمِ : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ : إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافِ اللَّيلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا  
أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ  
وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسْخِرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَأْتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa berada dalam rahmat dan keredhaan Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda serta sahabat-sahabat baginda yang sama-sama berjuang menegakkan Islam.

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Gerhana bulan dalam Bahasa Arab disebut sebagai *khusuf* terjadi apabila bumi berada di antara matahari dan bulan. Kedudukan bumi yang berada di tengah-tengah antara matahari dan bulan menghalang cahaya matahari sampai ke bulan dan menyebabkan sebahagian atau seluruh bulan tertutup oleh bayangan bumi.

Fenomena alam ini menunjukkan bahawa bumi, bulan, matahari, serta seluruh angkasa bergerak mengikut garis orbit masing-masing menurut sunnatullah. Keteraturan ini menandakan bahawa Allah Maha Mengatur. Realiti ini juga menegaskan tentang kelemahan manusia sebagai hamba di hadapan Allah SWT.

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Bulan juga merupakan satelit semulajadi kepada bumi dan ia bergerak mengelilingi bumi di atas orbitnya. Setiap planet yang berada dalam sistem suria ini juga mempunyai bulan-bulan tersendiri yang mengelilinginya dan juga bertindak sebagai satelit semulajadi. Walau bagaimanapun, bulan tidak mengeluarkan cahayanya sendiri, sebaliknya menerima cahaya daripada matahari dan memantulkannya ke bumi. Firman Allah SWT:

وَالْقَمَرُ قَدْرٌ نَاهٌ مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعَرْجُونِ الْقَدِيمِ

**Maksudnya:** “Dan bulan pula kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga pada akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering”. (**Surah Yasin ayat 39**)

Maha Suci Allah yang menjadikan bulan dengan fungsi-fungsinya yang sangat bermanfaat buat semua makhluk-Nya. Sebagai contoh, penentuan tarikh-tarikh bulan Islam yang menggunakan peredaran bulan sebagai sumber rujukan dan juga digunakan untuk beberapa tujuan yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa betapa dekatnya pengaruh bulan kepada kehidupan manusia bertepatan dengan Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدْرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ  
وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ لَقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

**Maksudnya:** “Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmah sesuatu yang dijadikan-Nya).” (**Surah Yunus ayat 5**)

Selain itu, bulan turut berfungsi dalam menentukan sesuatu waktu dan keadaan seperti pasang surut air atau musim yang khusus seperti musim haji. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ النَّاسِ وَالْحِجَّةِ وَلَيْسَ الْبَرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبَيْوَتَ  
مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبَرَّ مَنِ اتَّقَى وَأَتُوا الْبَيْوَتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

**Maksudnya:** “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: “(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-

waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat haji. Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertakwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya". (**Surah al-Baqarah ayat 189**)

### Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Fenomena gerhana bulan merupakan salah satu dari tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT yang patut kita insafi. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتٍ مِّنْ آيَاتِ اللَّهِ لَا يَخْسِفَانِ لَمَوْتٍ أَحَدٍ وَلَا حَيَاةٍ فَإِذَا  
رَأَيْتُوهَا فَاقْرُبُوهَا فَأَفْزَعُوا لِلصَّلَاةِ وَقَالَ أَيُّهُمْ فَصَلُّوا حَتَّى يُفْرَجَ اللَّهُ عَنْكُمْ

**Maksudnya:** "Bahwasanya matahari dan bulan itu dua tanda daripada segala tanda-tanda yang menunjukkan keesaan dan kekuasaan Allah Taala, tiada gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya, maka apabila kamu lihat akan demikian itu, maka hendaklah kamu sembahyang", dan baginda bersabda: "maka sembahyanglah kamu hingga disingkap kembali oleh Allah kepada kamu semua (bulan dan matahari)". (**Hadis Riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim**)

Rasulullah SAW mengajar kita untuk menginsafi, mendirikan solat dan memuji Allah SWT Ketika berlakunya gerhana. Imam al-Ghazali pula dalam Kitab *al-Adab fi al-Din* menyatakan bahawa hendaknya fenomena gerhana membuatkan manusia semakin menampakkan ketundukan diri kepada Allah SWT, bertaubat dari kesalahan-kesalahan, serta semakin meresapi kehadiran Ilahi dalam kehidupannya. Imam al-Ghazali menyatakan:

آدَابُ الْخُسُوفِ: دَوَامُ الْفَزَعِ، وَإِظْهَارُ الْجَزْعِ، وَمُبَادِرَةُ التَّوْبَةِ، وَتَرْكُ الْمَلَلِ، وَسُرْعَةُ  
الْقِيَامِ إِلَى الصَّلَاةِ، وَطُولُ الْقِيَامِ فِيهَا، وَاسْتِشْعَارُ الْحَذَرِ

**Maksudnya:** “Perilaku yang semestinya ditunjukkan ketika terjadinya gerhana bulan: sentiasa memiliki rasa takut, menampakkan rasa gelisah, segera bertaubat, tidak bersikap mudah bosan, segera melaksanakan solat, memanjangkan solatnya, dan merasakan adanya peringatan”.

Bagi Imam al-Ghazali, peristiwa gerhana merupakan detik merenungi keagungan Allah SWT yang Maha Agung. Keagungan kuasa-Nya yang dihayati akan mencetuskan kalbu yang selalu merendah diri di hadapan-Nya, gelisah dengan dosa-dosa dan terus bertaubat, bersungguh-sungguh dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT, memperbanyakkan *istighfar* bagi memohon keampunan Allah SWT.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Kita amat beruntung kerana masih dikurniakan kesedaran oleh Allah SWT serta dapat melaksanakan solat gerhana ini secara berjemaah dalam kesempatan ini. Melaksanakan solat dan mendengarkan khutbah merupakan sebuah keutamaan sesuai menurut ajaran Rasulullah SAW. Dalam masa yang sama, sama-sama lah kita merenungi kekuasaan dan kebesaran Allah SWT, menginsafi diri, bertaubat dan bermunajat kepada Allah SWT agar kita menjadi hamba-Nya yang bertakwa. Rumusan dari khutbah ini;

**Pertama:** Fenomena gerhana bulan merupakan salah satu tanda dan bukti kekuasaan dan keagungan Allah SWT.

**Kedua:** Allah SWT menjadikan tiap-tiap sesuatu itu dengan memiliki fungsi dan manfaatnya buat seluruh makhluk-Nya.

**Ketiga:** Hendaknya kita merenungi, menginsafi dan bermuhasabah diri dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT seterusnya membentuk peribadi yang bertakwa kepada Allah SWT.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ  
وَالْأَمَوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ  
وَاصْحَাইِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَا يُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ⑤٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابَاعِينَ وَتَابِعِيِ  
الْتَّابَاعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمَوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڦُدوُك بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوانَ اَكْوُغ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ اَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڦُدوُك بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْوُغ، تُونِکُو (Tunku) حَاجِه عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَّارَاهُ وَقُضاَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَنَا الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.